

## D,R. 23/93

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

### RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1993) (No. 2) 1993. Tajuk ringkas.
2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan puluh empat juta satu ratus lima puluh empat ribu tiga ratus ringgit (RM94,154,300) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1993, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1993, Akta Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993 dan Akta Perbekalan Tambahan (1993) 1993. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1993,  
Akta A839.  
Akta A850.  
Akta A858.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL  
(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud RM
B. 1	Parlimen	7,156,800
B. 17	Kementerian Belia dan Sukan	5,691,300
B. 20	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	28,953,200
B. 22	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	7,182,300
B. 26	Kementerian Pendidikan	6,000,000
B. 29	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	4,228,300
B. 43	Kementerian Undang-Undang	11,208,100
B. 47	Kementerian Pengangkutan	15,762,000
B. 49	Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos	6,472,300
B. 56	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	1,500,000
Jumlah . . .		94,154,300

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1993 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1993, Akta Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993 dan Akta Perbekalan Tambahan (1993) 1993.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1786.]